

# Ahli akademik perlu jujur, telus – Dr. Amran

UIN 17/08/2011 30

LABUAN 16 Ogos - Ahli akademik perlu menjalankan tugas dengan telus dan jujur dalam mendidik anak bangsa seperti yang diamanahkan kepada mereka.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Amran Ahmed berkata, untuk merealisasikan tugas, mereka sewajarnya

sentiasa bertindak tepat, teliti dan cermat.

Katanya, mereka juga perlu berlaku adil terhadap pendapat dan buah fikiran orang lain serta mengelak daripada berat sebelah dalam membuat keputusan.

Katanya, mereka seharusnya terbabit dengan lima bidang utama

iaitu pengajaran, penerbitan, penyelidikan, perundingan dan khidmat masyarakat.

Dr. Amran berkata, sebagai pendidik, mereka mengendalikan kuliahan, tutorial, merancang dan mengendalikan demonstrasi makmal, merancang dan mengendalikan kerja lapangan.

“Ahli akademik menyelia latihan

industri, latihan mengajar, menilai kursus, menyelia latihan tesis dan tugas berkaitan pengajaran yang dapat meningkatkan mutu tugas mereka,” katanya ketika menyampaikan taklimat Etika Akademik di Bilik Kuliah, UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) di sini, baru-baru ini.

Hadir sama,

Pengarah UMS-

KAL, Prof. Madya Dr. Shariff Abdul Kadir Omang; Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr. Awang Asri Awang Ibrahim; Pemangku Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL); Prof. Madya Dr. Norazah Md. Suki dan Ketua Bahagian Perkhidmatan Akademik, Roslan Gimba.